

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	31 January 2016

Demi Allah, Najib tidak terlibat - Sirul

UM - 31/1/2016

Oleh HUSSAINI AMRAN
hussaini.amran@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 30 JAN.

BEKAS anggota Unit Tindakan Khas (UTK), Sirul Azhar Umar bersumpah dengan nama Allah SWT bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tidak terlibat dalam kes pembunuhan model Mongolia, Altantuya Shaari-ibuu.

Dia melafazkan sumpah itu menerusi rakaman video terbaharu yang menjadi viral di Facebook dan Twitter selepas disiarkan oleh laman Facebook 'Barisan Merdeka' hari ini.

"Saya lafazkan di sini, *wallahi*, Yang Amat Berhormat Perdana



Saya lafazkan di sini, *wallahi*, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Abdul Razak langsung tidak ada terlibat dan tidak ada kaitan dalam kes."

SIRUL AZHAR UMAR

Menteri, Datuk Seri Najib Abdul Razak langsung tidak ada terlibat dan tidak ada kaitan dalam kes,"

katanya.

Sirul Azhar memberitahu, dia mengerti tentang kehendak sesetengah pihak yang berkepentingan untuk menjatuhkan individu tertentu.

Walau bagaimanapun, Sirul Azhar menegaskan, dia tidak pernah diajar dan diasuh untuk memfitnah orang lain.

"Adalah dosa besar kepada saya jika saya memfitnah seseorang itu," jelasnya.

Rakaman video berdurasi 54 saat itu merupakan pengakuan ketiga Sirul Azhar berhubung isu kes pembunuhan Altantuya yang disebar-kan melalui media sosial.

Pada 21 Januari lalu, Sirul Azhar melalui rakaman video pertama menyuarakan kekesalan dengan

tindakan pihak tertentu termasuk segelintir agensi media yang cuba mengambil kesempatan dengan memeralatkannya untuk menjatuhkan dan memfitnah individu lain.

Sementara itu, melalui rakaman video kedua yang tersebar menerusi media sosial pada 24 Januari lalu, dia turut mengesahkan dakwaan pihak tertentu kononnya Altantuya mengandung ketika dibunuh adalah tidak benar.

Sirul Azhar dan bekas pegawai UTK, Azilah Hadri dijatuhkan hukuman mati oleh Mahkamah Persekutuan pada 13 Januari 2015 kerana membunuh Altantuya sembilan tahun lalu, tetapi Sirul Azhar bertindak melarikan diri ke Australia.



SIRUL AZHAR UMAR